

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Hospital Parit Buntar dan bilakah pembinaan hospital ini dapat disiapkan setelah beberapa kali berlaku kelewatan dari jadual asal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pembinaan Hospital Parit Buntar, Perak telah diluluskan pada tahun 2013 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), *Rolling Plan* Ketiga (RP-3) dengan kos keseluruhan sebanyak RM173,345,000. Projek ini telah ditender pada 14 Ogos 2017 dan tarikh siap baharu ialah pada 18 Oktober 2022.

2. Pembinaan hospital ini mengalami kelewatan kerana terdapat perubahan rekabentuk dan komponen IBS serta penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara punca lain kelewatan adalah disebabkan kekurangan tenaga kerja di tapak bagi mematuhi SOP di tapak bina yang menghadkan 60% tenaga kerja. Selain itu, pelaksanaan PKP 3.0 turut memberi kesan kepada rantai bekalan bahan binaan untuk kegunaan di tapak dan menjejaskan pelaksanaan projek. Oleh yang demikian, kontraktor telah diberi lanjutan tempoh masa (EOT) sebanyak empat (4) kali dengan jumlah keseluruhan sebanyak 659 hari.

3. Buat masa ini, Hospital Parit Buntar berada dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sebenar sehingga bulan Julai 2021 adalah sebanyak **35%** berbanding jadual sebanyak 45.87%.

Sekian, terima kasih.